

# Perut Yang Besar Jangan Disangka Gemuk!

[!\[\]\(d66ff64371a51729ac8c1cdaa685ba6f\_img.jpg\) Share on Facebook](#)   [!\[\]\(0f31ebba7abcd47777e178db26f29705\_img.jpg\) Tweet on Twitter](#)   [!\[\]\(63ea948177b1bcc486b2b76d20d5fb69\_img.jpg\) Whatsapp \(Mobile Only\)](#)

PUBLISHED : 18 JANUARY 2021

Kebanyakan wanita cenderung untuk melewatkan rawatan walaupun perubahan perut yang semakin membesar kerana pada sangkaan mereka mengalami kegemukan. Tahukah anda bahawa persepsi tersebut sebenarnya boleh memudaratkan kesihatan mereka sekiranya perut yang buncit tersebut disebabkan oleh kanser ovarи.

Kanser ovarи adalah kanser yang ketiga tertinggi dalam kalangan wanita selepas kanser serviks dan kanser rahim. Selain itu, kanser ini berkecenderungan untuk berulang walaupun rawatan telah diberikan.



Kanser Ovari

*Gambar oleh: Penulis*

Apakah tanda-tanda kanser ovarи?

Kebanyakan wanita didiagnos ketumbuhan ovarи pada peringkat akhir di mana simptom yang ditunjukkan kadang kala tidak jelas. Sebanyak 23% wanita tidak mempunyai apa-apa simptom walaupun mereka sebenarnya mempunyai ketumbuhan di ovarи.

Simptom yang boleh ditunjukkan ialah seperti:

1. sakit perut di bahagian pelvis;
2. perut membesar dan tegang;
3. kadang kala akan ada simptom susah utk kencing / buang air besar; dan
4. sesak nafas sekiranya ketumbuhan tersebut besar atau terdapat ascitis (air di dalam ruang peritoneum).

Terdapat pesakit yang menyangkakan mereka gemuk kerana perut membuncit.

Faktor-faktor yang meningkatkan risiko kanser ovarи:

- 1) Wanita yang tidak pernah mengandung (nulliparous).
- 2) Faktor genetik - Wanita yang mempunyai sejarah kanser payudara, usus atau ovarи di dalam keluarga mempunyai risiko untuk mendapat kanser lebih tinggi berbanding wanita yang tiada sejarah keluarga (5% berbanding 1.4%).
- 3) Menggunakan ubatan untuk merangsang proses ovulasi (bagi rawatan kesuburan menggunakan ubat kesuburan > 12 kitaran).
- 4) Obesiti.

Terdapat beberapa faktor yang mengurangkan risiko kanser ovarи iaitu:

- 1) Penggunaan hormon pil perancang (oral contraceptive pill).
- 2) Telah menjalani proses pemandulan, iaitu kedua-dua tiub fallopian dibuang (tubal ligation).
- 3) Penyusuan susu ibu.

Adakah semua ketumbuhan ovarи memerlukan pembedahan?

Ketumbuhan ovarи boleh dikategorikan sebagai kanser dan bukan kanser. Terdapat ciri-ciri melalui pemeriksaan fizikal dan penyiasatan yang boleh mengesan ketumbuhan tersebut adalah kanser ataupun tidak.

Ketumbuhan yang besar dan mempunyai ciri-ciri yang mencurigakan melalui mesin ultra bunyi (ultrasound) serta ujian darah Ca125 yang tinggi menandakan bahawa pesakit mempunyai potensi mendapat kanser ovarи. Pesakit ini memerlukan rawatan pembedahan segera. Keputusan melalui histopatologi akan mengesahkan jenis kanser ovarи pesakit.

Bagi pesakit yang mempunyai ketumbuhan ovarи bersaiz < 5cm dan bacaan Ca125 yang normal, mereka boleh dipantau melalui temujanji kerana golongan pesakit ini mempunyai potensi yang rendah untuk kanser ovarи. Walaubagaimanapun, sekiranya pesakit mempunyai faktor genetik atau sejarah keluarga yang mempunyai kanser ovarи, mereka disarankan untuk menjalani pembedahan membuang ketumbuhan tersebut.

Adakah kanser ovarи mempunyai ujian saringan?

Tiada ujian saringan yang spesifik seperti ujian saringan kanser serviks untuk mengesan kanser ovarи. Walaubagaimanapun, bagi wanita yang mempunyai faktor risiko, mereka digalakkan berjumpa pakar ginekologi untuk menjalani imbasan ultrabunyi bagi mengesan ketumbuhan ovarи.

*Sila datang berjumpa pakar sekiranya anda ingin mendapatkan pemeriksaan.*

Dr. Salina Sany  
Pakar Obstetrik & Ginekologi  
Klinik Pakar Ginekologi  
IPPT, USM